

PERKHIDMATAN PINJAMAN TETAP**Apakah yang dimaksudkan dengan pinjaman tetap?**

Pinjaman tetap merupakan pinjaman untuk bahan-bahan bagi satu tempoh yang melebihi pinjaman biasa iaitu dua minggu.

Siapakah yang boleh membuat pinjaman tetap?

Perkhidmatan pinjaman tetap hanya diberi kepada penjawat FRIM sahaja.

Bahan apakah yang boleh dipinjam melalui pinjaman tetap dan berapa lamakah tempoh pinjaman?

Bahan yang boleh dipinjam melalui pinjaman tetap ialah buku-buku yang berbentuk manual dan kamus juga buku-buku untuk sesuatu projek yang dibeli menggunakan vot projek.

Buku boleh dipinjam selagi diperlukan atau sehingga projek ditamatkan. Bagaimanapun pinjaman perlu diperbaharui sebelum 31 Disember setiap tahun.

Bagaimanakah cara untuk membuat pinjaman?

Pinjaman boleh dibuat dengan mengisi borang B/LIB/5.8 yang boleh diperolehi dari kaunter

sirkulasi perpustakaan. Borang tersebut hendaklah disokong oleh Pengarah Bahagian. Serahkan borang bersama buku yang hendak dipinjam kepada petugas kaunter. Kelulusan bahan pinjaman tertakluk kepada ketua perpustakaan.

PERKHIDMATAN PINJAMAN SEMENTARA

Pinjaman sementara merupakan pinjaman untuk bahan-bahan selain buku bernombor kelas.

Siapakah yang boleh membuat pinjaman sementara?

Perkhidmatan pinjaman sementara hanya diberi kepada penjawat FRIM sahaja.

Bahan apakah yang boleh dipinjam melalui pinjaman sementara dan berapa lamakah tempoh pinjaman?

Bahan yang boleh dipinjam melalui perkhidmatan ini ialah peta, akta, laporan tahunan, cetakan semula, perangkaan dan jurnal/majalah (tidak berjilid dan bukan isu terkini). Bagi pinjaman jenis ini hanya 4 bahan sahaja boleh dipinjam bagi satu-satu masa. Tempoh pinjaman ialah empat hari sahaja.

Bagaimanakah cara untuk membuat pinjaman?

Pengguna boleh membuat pinjaman dengan mengisi borang B/LIB/5.9 yang boleh diperolehi dari kaunter sirkulasi perpustakaan.

PERKHIDMATAN PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

Pinjaman antara perpustakaan merupakan perkhidmatan yang disediakan bagi membolehkan pegawai-pegawai FRIM mendapatkan bahan-bahan rujukan yang tidak terdapat di perpustakaan FRIM. Perpustakaan FRIM merupakan salah satu perpustakaan yang menjadi ahli kepada Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) yang diselaraskan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan British Library Document Supply Centre. Ahli-ahli boleh membuat pinjaman dengan kadar caj yang telah ditentukan.

Siapakah yang boleh membuat pinjaman antara perpustakaan?

Perkhidmatan ini ditawarkan kepada penjawat bergred 41 ke atas sahaja.

Bagaimanakah cara untuk membuat pinjaman?

Pinjaman boleh diurus melalui pustakawan atau pergi sendiri. Pinjaman melalui pustakawan boleh dibuat dengan mengisi borang B/LIB/5.7 yang boleh diperolehi dari kaunter sirkulasi perpustakaan atau email maklumat mengenai bahan yang dikehendaki terus kepada pustakawan atau ketua perpustakaan. Maklumat yang perlu ada adalah seperti berikut:

Tajuk buku/jurnal & artikel, pengarang, tahun, jilid dan isu diterbitkan, juga vot projek bagi tujuan pembayaran sekiranya diperlukan.

Pemohon yang ingin menguruskan sendiri pinjaman antara perpustakaan dengan mana-mana perpustakaan tempatan hendaklah mendapatkan borang permohonan SPP yang ditandatangani oleh pustakawan atau ketua perpustakaan serta surat akaun.

Bahan apakah yang boleh dipinjam melalui pinjaman antara perpustakaan?

Bahan yang boleh diurus melalui perkhidmatan ini dari perpustakaan tempatan ialah buku dan artikel jurnal. Manakala bahan yang boleh dipinjam dari British Library ialah artikel jurnal sahaja. Walau bagaimanapun, pinjaman yang

dimohon tertakluk kepada kelulusan dan peraturan perpustakaan tersebut.

Berapakah caj yang dikenakan?

Bagi bahan yang diterima melalui perpustakaan tempatan, pemohon tidak dikenakan sebarang caj. Bagaimanapun, bagi bahan yang diperolehi dari British Library pemohon dikenakan bayaran sebanyak US\$17.00 bagi satu artikel.



*“Kunjungilah Perpustakaan
Anda Hari Ini”*

***Sebarang bentuk pertanyaan sila hubungi
kami di talian 7497, 7532 dan 7503**



LAIN-LAIN PERKHIDMATAN PINJAMAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Selain pinjaman biasa, perpustakaan FRIM juga menyediakan pinjaman tetap, pinjaman sementara dan pinjaman antara perpustakaan. Kemudahan ini disediakan dengan tujuan membolehkan lebih banyak bahan-bahan rujukan dapat dipinjam bagi kegunaan kerja-kerja penyelidikan. Siri Penerangan bil 4/2009 ini hendaklah dibaca bersama Siri Penerangan bil 2/2009 kerana syarat-syarat pinjaman sementara dan tetap adalah mengikut prosedur perkhidmatan pinjaman seperti yang diterangkan dalam siri penerangan tersebut.